



أونیورسیتی ملیسیا فیض السلطان عبد الله
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH

PERATURAN PERMAINAN FUTSAL

1. UNDANG-UNDANG PERMAINAN

- 1.1** Pertandingan ini dijalankan mengikut syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengelola Pertandingan dan mengikuti syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh Persekutuan Bolasepak Antarabangsa (FIFA) dan Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM)

2. PENDAFTARAN PEMAIN

- 2.1** Setiap pasukan dibenarkan mendaftar tidak lebih 12 orang pemain. Borang pendaftaran pasukan harus dikembalikan kepada pihak urusetia sebelum pertandingan pertama dimulakan.
- 2.2** Hanya pemain dan pegawai yang berdaftar dalam borang pendaftaran sahaja dibenarkan bermain dan berada dibangku simpanan dalam pertandingan ini.

3. MASA DAN FORMAT PERTANDINGAN

- 3.1** Masa permainan adalah **10 minit x 2 minit x 10 minit disepanjang kejohanan.(Running Time)** bagi kategori lelaki dan **7 minit x 2 minit x 7 minit** bagi kategori wanita.
- 3.2** Tiap-tiap pasukan mestilah mempunyai sekurang-kurangnya 4 orang pemain sebelum satu-satu perlawanan dimulakan. Jika kurang dari itu, pasukan tersebut dikira kalah dengan jaringan 0-2.
- 3.3** Pertukaran pemain adalah secara Rolling substitutions, akan tetapi perlulah mematuhi Peraturan Pertukaran Dan Garisan Teknikal yang disediakan.

4. PAKAIAN

- 4.1** Setiap pasukan WAJIB mempunyai sekurang-kurangnya 2 set jersi yang berlainan warna.
- 4.2** Setiap jersi hendaklah mempunyai nombor sekurang-kurangnya di bahagian belakang.
- 4.3** Pemain hendaklah memakai jersi dengan nombor yang sama sepanjang kejohanan berlangsung.
- 4.4** Pemakaian stoking panjang **adalah WAJIB**.

5. CARA MEMUTUSKAN KEPUTUSAN

- 5.1** Kiraan mata adalah seperti berikut:

5.1.1 Cara memberi mata :	Menang	:	3 mata
	Seri	:	1 mata
	Kalah	:	0 mata

- 5.1.2** Kiraan kemenangan jika terdapat kedudukan mata yang sama adalah seperti berikut:
 - Perbezaan Gol
 - Jaringan
 - Pasukan yang memenangi perlawanan diantaranya
 - Tendangan penalty “sudden death”

6. KELEWATAN

- 6.1** Semua pemain hendaklah melaporkan diri kepada urusetia dan menyerahkan senarai pemain 15 minit sebelum perlawanan dimulakan.
- 6.2** Masa selama 5 minit sahaja diberikan kepada pemain yang lewat dan selepas itu lawannya akan diberi kemenangan percuma dengan jaringan 2-0.

7. PERLAWANAN YANG DITUNDA ATAU DIBERHENTIKAN

- 7.1** Pertandingan ini tidak boleh ditangguhkan atas permintaan mana-mana pasukan.
- 7.2** Jika sesuatu pertandingan tidak dapat dijalankan atau ditangguhkan separuh jalan kerana faktor keselamatan dan sebagainya yang difikirkan perlu oleh pengadil perlawanan, permainan akan disambung dengan kiraan mengikut jaringan sebelum perlawanan ditangguhkan sebelum itu.

8. PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam peraturan permaianan ini akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pengelola dan keputusannya adalah **MUKTAMAD**.